

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7118**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke atas sebilangan pemimpin negara dan NGO yang telah membangkitkan isu-isu sensitif berkaitan agama dan bangsa yang telah menimbulkan kemarahan rakyat negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengekang kegiatan ini agar tidak terus berleluasa.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kumpulan, pertubuhan maupun individu yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan untuk mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara agama dan kaum tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.**

**Dalam hubungan ini, tiada siapa pun akan terlepas dari tindakan undang-undang termasuklah individu-individu yang terlibat di dalam gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia.**

**Walau bagaimanapun, saya tidak berhajat untuk mendedahkan secara terperinci setiap individu-individu tersebut kerana pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas mereka termasuk kenyataan-kenyataan berbaur hasutan yang disebarluaskan melalui semua medium komunikasi termasuk media sosial dengan kerjasama daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:**

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan;**
- ii. menjalankan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak ini agar saling menghormati diantara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama.**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, kesatuan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.**